

Kritikan tidak akan jejaskan kepemimpinan Abdullah

MU A R 13 Ogos - Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin yakin segala kritikan terhadap kerajaan yang dilemparkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed tidak akan menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap kewibawaan dan kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Malah, menurut beliau, seluruh ahli UMNO daripada peringkat akar umbi sehingga ke Majlis Tertinggi percaya bahawa Perdana Menteri perlu diberi peluang untuk terus memimpin negara dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan termasuk memastikan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) mencapai matlamat.

Kata beliau, kritikan yang dibuat terhadap kerajaan pimpinan Abdullah sedikitpun tidak menimbulkan perbalahan dalam parti, malah beliau (Abdullah) mendapat sokongan padu daripada semua ahli parti bagi meneruskan kepimpinannya.

"Saya boleh berkata di sini, seratus peratus ahli UMNO akan tetap menyokong pendirian Pak Lah selaku Perdana Menteri walaupun beliau telah dikritik hebat. Walaupun terdapat sedikit pihak yang menyokong Tun (Dr. Mahathir), itu adalah normal tetapi majoriti semua ahli UMNO akan tetap menyokong Perdana Menteri.

"Kami (semua ahli UMNO) mahu memberi Pak Lah peluang untuk beliau terus memerintah negara dan melaksanakan apa yang dirancangnya termasuk menjayakan RMK-9.

"Lebih banyak Tun Dr. Mahathir bercakap (mengkritik kerajaan), ia akan mengecewakan beliau sendiri kerana segala usahanya itu tidak akan menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap Pak Lah," jelasnya.

Beliau yang Ketua UMNO Bahagian Paloh berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Pagoh di Dewan Seri Pekembar Pagoh, dekat sini hari ini.

Semalam, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sokongan terhadap Presiden parti itu bukan dibuat secara membuta tuli, tetapi kerana yakin dengan kepimpinan beliau untuk negara dan parti.